

Pelaksanaan Dasar Bantuan Pendidikan Murid B40: Cabaran, Jurang dan Strategi

BITY SALWANA ALIAS
MASLAWATI MOHAMAD
KHAIRUL AZHAR JAMALUDDIN
NUR AIDAH RASHID

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

POLICY BRIEF 06

Pelaksanaan Dasar Bantuan Pendidikan Murid B40: Cabaran, Jurang dan Strategi

Bity Salwana Alias
Maslawati Mohamad
Khairul Azhar Jamaluddin
Nur Aidah Rashid

2022

MASA POLICY DEVELOPMENT PROGRAMME

Pelaksanaan Dasar Bantuan Pendidikan Murid B40: Cabaran, Jurang dan Strategi

© INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA, 2024

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic, or mechanical, including photocopy, recording, or any other information storage, and retrieval system without prior permission in writing from Institut Masa Depan Malaysia.

Publisher:



Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-23881059 Fax: 03-23881049
E-mail: mpdp@institutmasa.com

Advisor:

Azril Mohd Amin

Editorial Team:

Marhaini Kamaruddin

Hamidah Atan

Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan

Mohd Noor Musa

Lili Fariza Ariffin

Sim Why Jean

Nurul Aqilah Azman

Muhammad Fadzil Anif

Nur Zalikhaa' Zainal Abidin

Liwani Che Long

Muhammad Haqimie Aiman Rosli

Muhammad Akmal Hamdan

PRAKATA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar kerajaan dan akademik dalam menjalankan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

Semenjak penubuhannya, MASA telah terlibat secara aktif dalam usaha merangka dasar dan polisi negara. MASA turut memperkenalkan Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) yang merupakan satu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar dalam kalangan para penyelidik muda daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta seluruh negara, seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan yang telah diujarkannya dengan Rancangan Malaysia Ke-12.

Menerusi inisiatif MPDP 1.0, sebanyak 30 Ringkasan Dasar telah berjaya dihasilkan merangkumi input/cadangan dasar merentas bidang seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan pembangunan lestari.

MASA mengucapkan terima kasih kepada Dr. Bity Salwana Alias dan kumpulan penyelidik atas penghasilan ringkasan dasar ini. Komitmen penerima geran MPDP serta kerjasama erat dengan pihak-pihak berkepentingan amat dihargai dan diharapkan dapat terus memberi impak positif kepada pembangunan dasar negara.

Azril Mohd Amin

Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Masa Depan Malaysia

TENTANG MASA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar dalam kerajaan dan akademik untuk melakukan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

MASA telah ditubuhkan pada Januari 2019. Penubuhan organisasi ini telah diilhamkan dan diberi mandat oleh Perdana Menteri Ketujuh, YABhg. Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Md Yassin. MASA diasaskan dengan tujuan untuk mengembangkan falsafah kemakmuran bersama di Malaysia dan di rantau ini.

MASA juga telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Malaysia untuk membangunkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai pelan sosioekonomi yang baharu untuk Malaysia.

Wawasan Kami

Untuk menjadi peneraju pemikiran idea dasar dan analisis yang berpandukan nilai-nilai kemakmuran bersama.

Matlamat Kami

Untuk mewujudkan dunia di mana tiada siapa yang ketinggalan dengan menggalakkan pembuat dasar membangunkan dasar-dasar yang dipacu data bagi memastikan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan serta penambahbaikan berterusan kesejahteraan rakyat.

TENTANG MPDP

Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) merupakan suatu usaha rintis dalam mempromosi penyelidikan dasar yang telah menjadi sebahagian daripada kajian unggulan MASA, seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 serta disejajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Geran penyelidikan yang diperkenalkan pada 2021, mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta badan bukan kerajaan.

Penyelidikan yang dijalankan menerusi MPDP merangkumi pelbagai bidang strategik. Antaranya kemiskinan multidimensi, pendidikan kumpulan B40, perancangan bandar lestari untuk komuniti berpendapatan rendah, keterangkuman wilayah di Sabah dan Sarawak, model perusahaan sosial untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), potensi ekonomi hijau dan sekuriti makanan.

Bidang strategik lain juga termasuk pemerksaan sektor ekopelancongan, perubahan iklim, kesiapsiagaan kesihatan dan daya tahan krisis masa hadapan, mengatasi keciciran pembelajaran, pemacuan pertumbuhan perniagaan, perumahan mampu milik dan perlindungan sosial.

Penyelidikan-penyelidikan ini mencerminkan aspirasi inisiatif yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri ke-8 merangkap Pengerusi MASA, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Hj. Md. Yassin.

SENARAI RINGKASAN DASAR MPDP 1.0

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
1.	Family Digital Citizenship in Pandemic Recovery: Prospects, Challenges, and Policy Considerations	Prof. Madya Dr. Nor Diana Mohd Mahudin
2.	Kajian Kelestarian Perusahaan Sosial di Malaysia: Perspektif Pasca Pandemik COVID-19	Dr. Abu Hanifah bin Ayob
3.	Increasing Medical Specialists in Malaysia: Beware of Vicious Cycle	Asst. Prof. Ts. Dr. Chang Jing Jing
4.	Public Reactions and Acceptability on Carbon Tax Implementation in the Malaysian COVID-19 Economic Recovery Plan	Prof. Madya Dr. Izlawanie bt Muhammad
5.	Role of People with Disabilities towards Sustainability of Tourism Sectors in Malaysia	Ms. Kalai Vani A/P Kalimuthu
6.	Pelan Pembangunan Dasar Pengurusan Pendidikan Murid B40	Dr. Bity Salwana bt Alias
7.	The Adoption of Digital Technology in Micro-Retail Enterprises	Dr. Sharifah Muhairah Shahabudin

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
8.	The Impact of COVID-Malaysia's Emergency Mitigation Measure on 10 High-Value Crops	Prof. Madya Dr. Fatimah Kayat
9.	Towards Enhancing Sustainability Practices Among SMEs: Awareness and Challenges	Dr. Wahidah bt Shari
10.	The Role of the Share of Energy from Renewable Sources on FDI Inflows	Dr. Goh Lim Thye
11.	Elderly Adaptive City Planning-Bringing the Age-Friendly City Concept to Live	Dr. Nur Aulia Rosni
12.	Micro SMEs Rescue Plan: No One is Left Behind	Dr. Foo Lee Peng
13.	Revitalizing the Urban B40 Communities Through The Development of a Multidimensional Integrated Community Sustainability Planning (ICSP) Framework	Dr. Peter Aning anak Tedong
14.	Grey Matter - An Examination of Malaysians Perspectives Towards Ageism and Impacts of Health	Prof. Dr. Choo Wan Yuen

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
15.	Road Safety and Health Risks of Food Delivery Riders During COVID-Implications and Recommendations	Dr. Laila Suriya Ahmad Apandi
16.	Exploring the Determinants of Community Well-being in Endemic Period: A Comparison Study between Rural and Urban Community	Dr. Naziatul Aziah Mohd Radzi
17.	Social, Economic, and Environmental Factors Determining COVID-19 Severity in Malaysia: Lessons Learnt From Non-Pharmaceutical Interventions (NPIs)	Dr. Teh Bor Tsong
18.	Human Capital Transformation in Talent Management Affecting Kelantan State Employee Performance During Pandemic COVID-19	Dr. Iskandar Hasan Tan bin Abdullah
19.	Pembangunan Sabah ke Arah Mencapai Kelestarian Hidup Masyarakat dan Kunci Kepada Malaysia Sebagai Negara Maju 2025	Dr. Mohd Ikbal bin Mohd Huda

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
20.	The Development of Youth Agropreneur Policy and Framework for Food Safety Sustainability and Poverty Reduction	Prof. Madya Dr. Sylvia @ Nabila Azwa bt Ambad
21.	Ketahanan dan Kapasiti Adaptasi Sektor Ekopelancongan Terhadap Pandemik COVID-19: Kajian Kes Komuniti Setempat di Pulau Tioman	Dr. Siti Nor Liyana bt Harun
22.	Input Polisi Bagi Penyelesaian Kemiskinan Situasi Untuk Keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN)	Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
23.	Ruang Hijau Bandar Sebagai Indeks Untuk Dasar Kesihatan Mental Mampan Semasa Pandemik	Prof. Madya Dr. Mohd Ramzi bin Mohd Hussain
24.	Assessing Organizational Resources for Post Pandemic Resiliency and Employees' Well-Being	Asst. Prof. Dr. Low Mei Peng
25.	Model T-Digital dalam Memupuk Perpaduan Masyarakat Majmuk di Malaysia	Dr. Khairul Azhar bin Meerangani

NO	TAJUK	KETUA PROJEK
26.	Mental Health Services Mapping for School Going Children and Adolescents	Dr. Tengku Amatullah Madeehah bt Tengku Mohd
27.	COVID-19 Outbreak-Analysis Visualization and Classification of Food Insecurity Among Vulnerable Groups	Prof. Madya Dr. Mohd Asrul Affendi Abdullah
28.	Government and Corporate Social Responsibilities for Malaysians' Livelihoods During COVID-19: A Retrospective and Prospective Reflective Analysis of Initiatives in 2020 and Beyond	Dr. Cheong Huey Fen
29.	Sustainable Development Goals (SDG): From STEM to Employability	Prof. Dr. Teoh Sian Hoon
30.	Big Data Analytics (BDA) Capability Model for SMEs: Post COVID-19	Dr. Mohammad Falahat

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	1
Biografi	2
Ringkasan Eksekutif	4
Pengenalan	7
Metodologi	9
Dapatan dan Perbincangan	12
Implikasi Polisi	35
Kesimpulan	40
Rujukan	41

BIOGRAFI

BITY SALWANA ALIAS

Bity Salwana Alias adalah seorang pensyarah kanan dan Pengerusi Penyelidikan di Pusat Kepimpinan dan Dasar Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dengan pengalaman lebih dari satu dekad, peranan pentingnya termasuk memimpin Program Master Pusat Penyelidikan Kepimpinan dan Dasar Pendidikan serta menyelaraskan Program Master Sarjana UKMSHAPE. Beliau diiktiraf dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2022 dan secara konsisten telah menggalakkan kerja berkumpulan dan pencapaian pelajar yang berjaya walaupun menghadapi cabaran.

MASLAWATI MOHAMAD

Maslawati Mohamad, Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pakar dalam Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) dan fokus pada inovasi dalam pengajaran bahasa Inggeris. Latar belakang akademik kukuh dengan B.Ed. TESL (Kepujian), M.Sc. dalam Komunikasi Korporat, dan Ph.D. dalam TESL. Memimpin projek penyelidikan seperti program sokongan sosial untuk murid kurang bernasib baik dan strategi pengajaran semasa pembelajaran jarak jauh.

KHAIRUL AZHAR JAMALUDDIN

Khairul Azhar Jamaludin, Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, pakar dalam Pembangunan Kurikulum. PhD dalam Pembangunan Kurikulum, fokus penyelidikannya adalah kemahiran komunikasi teknikal, model kurikulum, Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET), kemahiran pekerjaan, dan pendidikan bahasa Inggeris. Penerima anugerah dan moderator seminar, beliau juga berpengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan praktikal dalam bidang pendidikan.

NUR AIDAH RASHID

Nur Aidah Rashid adalah Pensyarah Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kepakaran dalam Penilaian, Pengukuran, dan Penyelidikan. Memegang kandidasi Ph.D. dari Western Michigan University (WMU) dan Ijazah Sarjana dalam Pendidikan dari UKM, tumpuannya adalah dalam Penilaian, Penyelidikan Kuantitatif dan Kualitatif, serta Psikometrik. Beliau juga aktif dalam perkhidmatan komuniti dan rangkaian profesional dalam bidang pendidikan dan penilaian.

Ringkasan Eksekutif

Sehingga kini, murid B40 masih dikaitkan dengan pencapaian akademik, sahsiah dan kokurikulum yang rendah. Kesukaran hidup terutama selepas pandemik Covid 19 semakin memburukkan keadaan. Motivasi murid terhadap persekolahan semakin rendah walaupun dakwaan menyatakan dasar bantuan telah dilaksanakan.

Semakan Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan mendapati Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ketika ini lebih berfokus kepada bantuan kewangan, pakaian dan makanan.

Justeru kajian dilaksanakan dengan objektif meneroka cabaran dalam pelaksanaan dasar bantuan pendidikan kebangsaan sedia ada berkait murid B40, meneroka sejauh mana dasar sedia ada memenuhi lima tingkat keperluan murid B40, serta meneroka strategi meningkatkan pencapaian murid B40 melalui penambahbaikan dasar pendidikan.

Dapatan kajian mengesahkan, melalui dasar sedia ada, KPM memberi fokus terhadap keperluan fisiologi murid dengan menyediakan bantuan kewangan, makanan dan pakaian tetapi kurang fokus terhadap keperluan keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan sempurna sendiri walaupun teori menyatakan semua keperluan yang dinyatakan perlu dipenuhi untuk memotivasikan manusia ke arah kehidupan yang lebih baik.

Pelaksanaan dasar sedia ada juga mengundang isu lain termasuk jumlah bantuan yang terhad, agihan bantuan kurang menepati, ketidaktepatan data dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid, bantuan disalah guna, maklumat bantuan tidak sampai kepada ibu bapa dan murid, tiada tindakan susulan terhadap murid yang menerima bantuan, dan tiada kolaboratif antara semua pihak yang terlibat dalam memberikan sumbangan.

Berdasarkan dapatan, antara cadangan utama ialah KPM mewujudkan sistem agihan bantuan bersepadu bagi menggantikan e-kasih, mewujudkan jawatankuasa pengurusan murid B40 di peringkat sekolah, mengkaji semula kategori dan jumlah bantuan yang diberikan, dan memberi pendedahan kepada pihak sekolah tentang pengurusan murid B40 berdasarkan lima tingkat keperluan manusia.

Kesimpulannya, KPM perlu menambah baik dasar pendidikan sedia ada agar fokusnya tidak hanya kepada keperluan asas tetapi juga keperluan murid yang lain agar pencapaian murid B40 dalam akademik, sahsiah mahupun kokurikulum dapat ditingkatkan.

Cadangan Polisi

Cadangan 1

- Perlu mewujudkan sistem pengurusan agihan bantuan secara bersepadu melibatkan semua pihak berkenaan atau berkepentingan.

Cadangan 2

- Dasar Pendidikan Kebangsaan perlu ditambah baik dan perlu merangkumi amalan untuk memenuhi keperluan sempurna murid B40 selain keperluan asas.

Cadangan 3

- KPM perlu mewajibkan semua sekolah mewujudkan Jawatankuasa tersebut yang dianggotai oleh pihak sekolah, ibu bapa, wakil NGO, polis, dan lain-lain yang berkaitan.

Pengenalan

Secara umumnya, KPM telah melaksanakan beberapa dasar bantuan untuk memastikan murid golongan B40 berpeluang mendapat pendidikan berkualiti dan tidak tercicir daripada persekolahan.

Walaupun Buku dasar Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2017) tidak menyatakan dengan jelas sebarang dasar untuk murid B40, namun terdapat pernyataan dalam buku berkenaan bahawa antara tujuan dasar adalah merapatkan jurang pendidikan antara murid di bandar dan luar bandar dan antara golongan miskin dengan golongan berada.

Dasar atau lebih tepatnya bantuan pendidikan bertujuan meringankan beban kewangan ibu bapa atau penjaga serta bertujuan meningkatkan motivasi murid untuk terus menimba ilmu sehingga ke peringkat yang lebih tinggi selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

KPM juga berharap dengan bantuan yang diberikan, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi lebih berkesan, kebajikan dan sosial murid lebih terjaga, seterusnya semua sekolah dan murid berpeluang untuk cemerlang dalam akademik, sahsiah dan kokurikulum.

Namun Input daripada kajian terdahulu menunjukkan sehingga kini, masih wujud isu dalam pencapaian akademik, sahsiah mahupun kokurikulum murid B40. Pandemik Covid 19 yang semakin menyukarkan golongan ini turut menjejaskan motivasi dan minat murid terhadap persekolahan.

Persoalannya, adakah dasar KPM ketika ini iaitu menyediakan bantuan pendidikan untuk memenuhi keperluan asas murid (kewangan, pakaian dan makanan) masih tidak memberi kesan terhadap pencapaian murid B40?

Justeru, projek ini dilaksanakan dengan tujuan mengkaji isu ini dengan lebih mendalam dan seterusnya memberi input kepada KPM agar dapat menangani isu pendidikan murid B40.

Seterusnya hasil kajian diharap dapat membantu KPM menambahbaik dasar dan program sedia ada supaya murid B40 dapat dimotivasi ke arah pencapaian yang lebih baik dalam akademik, sahsiah mahupun kokurikulum.

Objektif kajian ini secara khususnya ialah meneroka cabaran dalam pelaksanaan dasar bantuan pendidikan sedia ada berkait murid B40, meneroka sejauh mana dasar sedia ada memenuhi lima tingkat keperluan murid B40, serta meneroka strategi meningkatkan pencapaian murid B40 melalui penambahbaikan dasar pendidikan sedia ada.

Metodologi

Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kutipan data melibatkan beberapa fasa seperti berikut:

(1) Fasa 1: Temu Bual dan Semakan Dokumen Dasar di Bahagian-bahagian KPM

Bagi meneroka Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada yang menyentuh murid B40, Fasa ini melibatkan temu bual dengan pegawai pendidikan di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), dan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BSBP).

Di setiap Bahagian, sekurang-kurangnya seorang pegawai pendidikan telah ditemu bual secara bersemuka selain melakukan semakan terhadap dokumen dasar.

Definisi dasar yang diguna pakai ialah polisi, program dan bantuan yang diberi kepada murid B40 sama ada oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta.

Sesi perbincangan dan temu bual telah dilaksanakan beberapa kali antara ahli pasukan kajian dengan responden bermula Mac hingga April 2022.

(2) Fasa 2: Temu bual di Sekolah

Fasa 2 iaitu kutipan data di sekolah rendah dan menengah yang terpilih telah dilaksanakan antara April hingga Mei 2022. Sebanyak 8 buah sekolah rendah dan 11 buah sekolah menengah (di lokasi bandar dan luar bandar) dengan majoriti murid B40 di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Kelantan dan Perak telah dilibatkan sebagai sampel.

Teknik persampelan bertujuan digunakan di mana hanya sekolah dengan majoriti murid B40 dipilih sebagai sampel. Instrumen kajian adalah protokol temu bual di samping dokumen yang dianalisis.

Di setiap sekolah yang dikunjungi, seorang pentadbir, seorang guru dan tiga orang murid B40 ditemu bual.

Di beberapa buah sekolah, ibu bapa turut menemani anak-anak mereka ketika ditemu bual dan turut memberi input untuk kajian. Pentadbir dan guru ditemu bual secara berasingan manakala murid dan ibu bapa ditemu bual secara berkumpulan.

Temu bual adalah berkisar tentang dasar bantuan yang diketahui, isu, cabaran dan cadangan untuk penambahbaikan dasar.

(3) Fasa 3: *Focus Group Discussion*

Fasa 3 iaitu *focus group discussion* (FGD) dilaksanakan pada Jun 2022. Beberapa pakar yang sering membicarakan tentang pendidikan untuk murid B40 iaitu pegawai di bahagian KPM, universiti, wakil pentadbir sekolah, wakil PIBG dan pakar-pakar dalam bidang berkaitan di universiti dan wakil dari Institut Masa Depan Malaysia telah menyertai FGD.

Tujuan FGD adalah mendapatkan pandangan dan cadangan pakar tentang dasar pengurusan murid B40 masa kini serta penambahbaikan yang perlu dibuat. Oleh kerana kekangan pandemic Covid 19, masa dan kesukaran untuk bertemu, FGD dibuat secara dalam talian.

(4) Fasa 4: *Analisis Data*

Setelah aktiviti kutipan selesai, analisis data bermula pada Julai 2022. Data dianalisis secara manual dan diikuti dengan penulisan untuk menyediakan ringkasan polisi. Ringkasan polisi telah siap disediakan pada Ogos 2022.

Dapatan dan Perbincangan

(A) Persoalan Kajian (1)

Dapatan bagi persoalan kajian (1) iaitu *“Apakah cabaran dalam dasar bantuan pendidikan sedia ada berkait murid B40?”* menunjukkan sebagaimana dalam buku Dasar Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2017), beberapa dasar telah dilaksanakan di peringkat sekolah.

Senarai dasar atau bantuan pendidikan adalah sebagaimana berikut:

1. Bantuan Makanan Asrama (BMA)
2. Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia (RMT1M)
3. Perjalanan dan Pengangkutan Murid (PPM)
4. Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M)
5. Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Prasekolah/ Sekolah/ Asrama
6. Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP) iaitu Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan, Bantuan Kokurikulum (Prasekolah/Sekolah/Asrama) dan Yuran Khas Sekolah
7. Bantuan Sukan Sekolah
8. Bantuan Makanan Prasekolah
9. Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP)
10. Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK)
11. Biasiswa Sukan (BS)
12. Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan (KEDAP)
13. Elaun Pra Universiti (EPU)
14. Bantuan Jaket Keselamatan Murid (JKM)
15. Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh (PKBSP)
16. Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)
17. Bantuan Pakaian Seragam pasukan Badan Beruniform (BPS)

Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan tiada sebarang pernyataan dalam buku dasar bahawa senarai bantuan di atas adalah untuk murid B40. Dapatan juga menunjukkan bahawa fokus KPM pada ketika ini adalah memenuhi keperluan asas murid untuk wang, makanan dan pakaian.

Di bawah ialah rumusan dapatan dan beberapa pernyataan responden berkait cabaran dalam pelaksanaan dasar bantuan sedia ada:

(1) Tahap minimum kelayakan untuk menerima bantuan terlalu rendah

Hampir semua kategori memberi pandangan bahawa tahap minimum kelayakan iaitu RM1000 adalah terlalu rendah.

*“Tahap minimum pendapatan ibu bapa untuk murid menerima bantuan iaitu RM1000 bagi penerima BAP sangat rendah menyebabkan ramai murid B40 tidak layak mendapat bantuan.”
(Guru)*

“Kadar minima yang ditetapkan terlalu rendah sehingga kami yang berpendapatan lebih sedikit daripada kadar minimum tidak berpeluang menerima bantuan”. (Ibu bapa)

(2) Kuota bantuan terhad dan kadar terlalu rendah

Majoriti responden berpendapat kuota untuk diberi bantuan adalah terlalu sedikit manakala jumlah bantuan pula tidak sesuai dengan kos hidup semasa.

“Kuota murid yang layak menerima bantuan adalah terlalu sedikit sehingga ramai murid yang sepatutnya dibantu tidak mendapat bantuan. Kadar bantuan yang rendah tidak sesuai dengan kos hidup yang semakin tinggi.” (Pentadbir)

“Bantuan yang sangat sedikit masih tidak mencukupi untuk membeli kelengkapan sekolah.” (Murid)

“Peruntukan untuk sesetengah bantuan seperti Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Badan Beruniform (BPS) sangat terhad. Ini menyebabkan ramai murid B40 walaupun layak, tidak mendapat bantuan. Hal ini menyebabkan ramai murid B40 tidak memiliki pakaian seragam untuk badan beruniform yang mereka sertai.” (Guru)

“Berdasarkan dasar sedia ada, murid B40 tanpa mengira kategori, hanya layak mendapat satu bantuan sahaja. Hal ini menyebabkan terdapat murid yang berhadapan kesukaran untuk bersekolah kerana banyaknya keperluan yang tidak dapat dipenuhi.” (Pentadbir)

(3) Data tidak lengkap, tidak telus dan tiada keselarasan

Maklumat dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) tanpa kawalan pihak sekolah telah menyebabkan data tidak lengkap, tidak betul dan tidak selaras antara institusi.

“Pada masa kini maklumat APDM dikemas kini oleh ibu bapa. Data yang tidak dikemas kini menjadi isu.” (Guru)

“Ada ibu bapa tidak jujur meletakkan jumlah yang lebih rendah semata-mata ingin melayakkan anak-anak mereka mendapat bantuan. Oleh kerana bantuan diberi berdasarkan data di APDM, maka ada murid yang layak menerima bantuan tidak mendapat bantuan, ada yang tidak layak, mendapat bantuan.” (Guru)

“Data murid tidak diselaraskan untuk disesuaikan dengan bantuan yang layak diterima. Sebagai contoh data penerima bantuan Baitulmal perlu diperoleh secara berasingan dan memerlukan inisiatif pihak sekolah untuk mendapatkannya.” (Pentadbir)

“Ada ibu bapa yang lambat menyerahkan dokumen ekoran sukar mendapat pengesahan maklumat murid daripada Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Pengerusi Taman dan sebagainya.” (Guru)

“Sukar untuk mengemas kini maklumat dalam APDM apabila inginkan bantuan disebabkan masalah internet. Bila lambat bertindak dan lewat dalam mengemas kini maklumat, dah terlepas daripada mendapat bantuan.” (Ibu bapa)

“...Tidak jelas dan tidak faham tentang maklumat yang perlu diisi... bila guru tak bimbing, ada maklumat yang kurang tepat diisi dalam APDM... hilang peluang mendapat bantuan.” (Ibu bapa)

(4) Penyalahgunaan bantuan

Oleh kerana tiada kawalan pihak sekolah dalam penggunaan peruntukan, maka terdapat segelintir ibu bapa atau murid menggunakan bantuan bukan untuk pendidikan.

“Bantuan Awal Persekolahan (BAP) dalam bentuk wang tunai diberi kepada murid pada awal tahun ... sepatutnya digunakan untuk membeli barang keperluan persekolahan seperti pakaian seragam sekolah, uniform kokurikulum dan peralatan sekolah. Tapi ada ibu bapa yang menggunakan wang tersebut untuk membeli barang keperluan harian.” (Guru)

“...Sukar untuk mengawal pergerakan dan penggunaan bantuan oleh murid terutama bagi pelajar yang bermasalah disiplin seperti yang terlibat dengan gangster.” (Guru)

(5) Keciciran maklumat tentang bantuan

Dapatan menunjukkan, terdapat ibu bapa atau murid yang tidak mendapat maklumat tentang bantuan yang diberikan apabila pihak sekolah tidak mewar-warkan perkara tersebut.

“Jika sekolah tak sampaikan maklumat kami tidak tahu tentang bantuan yang diberikan oleh kerajaan dan pihak-pihak lain.” (Ibu bapa)

“Sekolah tidak menyediakan saluran khusus untuk mendapatkan maklumat tentang bantuan yang disediakan. Kami tidak tahu tentang bantuan yang disediakan oleh macam-macam pihak ni.” (Ibu bapa)

(6) Tiada program berbentuk motivasi untuk murid B40

Analisis data menunjukkan oleh kerana tiada peruntukan dan tiada garis panduan tertentu, maka program motivasi untuk murid B40 tidak dilaksanakan.

“Pada ketika ini, program motivasi tidak dapat dilaksanakan kerana tiada sebarang peruntukan disediakan.” (Pentadbir)

“Peruntukan untuk program motivasi bagi memberi kesedaran pendidikan terhadap murid juga tiada. Ini kerana semua bantuan perlu diberi sepenuhnya kepada murid.” (Pentadbir)

“Dalam pelaksanaan dasar sekarang, tiada sebarang program khusus yang berfokus kepada sokongan moral untuk murid B40 dalam kelompok yang kecil bagi meningkatkan motivasi dan keyakinan diri. Hampir semua sekolah menyusun program atau aktiviti sekolah tanpa mengambil kira latar belakang dan keperluan murid yang berbeza.” (Pakar)

(7) Perkaitan antara bantuan dan pencapaian tidak ditekankan

Kajian ini menunjukkan tiada mana-mana pihak yang mengaitkan bantuan yang diberi dengan keperluan untuk murid meningkatkan pencapaian menyebabkan ibu bapa mahupun murid menganggap bantuan pendidikan adalah bertujuan meringankan beban mereka sahaja:

“Tiadanya sebarang tindakan susulan yang mewajibkan pihak sekolah perlu menjelaskan perkaitan antara bantuan dan pencapaian.” (Guru)

“Bantuan yang diberi adalah untuk meringankan beban ibu bapa murid B40.” (Guru)

“Bantuan ini bertujuan meringankan beban kami untuk menyediakan keperluan anak-anak.” (Ibu bapa)

(8) Tiada peruntukan untuk bantuan dan kemudahan ICT

Dapatan menunjukkan bantuan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tidak menyeluruh untuk murid B40 dan masih tidak mencukupi.

“Peruntukan untuk ICT dalam pdpc terhad sehingga masih ramai murid yang terjejas serta tidak dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran sekiranya pdpc dibuat secara dalam talian.” (Guru)

“...Bantuan yang diterima tidak banyak dan tidak cukup untuk membeli computer untuk anak-anak belajar.” (Ibu bapa)

(9) Bantuan sedia ada lebih berfokus kepada matlamat jangka pendek

Pelaksanaan dasar bantuan sedia ada hanya untuk menyelesaikan masalah ibu bapa dan murid B40 bagi jangka masa pendek sahaja, dan bukan untuk jangka masa panjang.

“Dalam pelaksanaan dasar bantuan pendidikan sedia ada, bantuan lebih berfokus kepada matlamat jangka pendek. Contohnya untuk mengurangkan beban kewangan ibu bapa atau murid B40 pada awal persekolahan sedangkan kesukaran hidup mereka adalah untuk tempoh yang lama.” (Pakar)

“Bantuan ini mungkin dapat bantu ibu bapa dan pelajar untuk tempoh masa yang pendek, untuk jangka masa panjang mereka masih susah.” (Guru)

Rumusan daripada dapatan ini ialah, selepas COVID-19 melanda negara, kesukaran ibu bapa murid B40 semakin memuncak untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang diperlukan oleh anak-anak.

Pandangan ini juga selari dengan Dong dan Bouey (2020) yang menyatakan isu yang sama. Dasar bantuan pendidikan sedia ada berkait murid B40 tidak dinafikan sedikit sebanyak telah membantu ibu bapa dan murid B40 namun wujud isu dan cabaran dalam pelaksanaan dasar yang memerlukan tindakan penambahbaikan.

(B) Persoalan Kajian (2)

Pembentangan dapatan dan perbincangan bagi persoalan kajian (2) iaitu *“Sejauh manakah dasar sedia ada memenuhi lima tingkat keperluan murid B40”* adalah berdasarkan tema atau teori keperluan manusia oleh Maslow (1970) iaitu keperluan asas (fisiologi), keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan keperluan sempurna sendiri. Berikut adalah rumusan dan pernyataan bagi persoalan kajian 2:

(1) Amalan untuk memenuhi keperluan asas murid B40 adalah berdasarkan bantuan yang diterima serta prihatin pihak sekolah

Berdasarkan bantuan yang diterima serta prihatin pihak sekolah, keperluan asas murid terhadap wang, makanan, pakaian malah pengangkutan cuba dipenuhi oleh pihak sekolah.

“Bantuan awal persekolahan diberi kepada semua murid yang layak. Jadi dasar bantuan ini dilaksanakan...Pihak sekolah juga mengurus bantuan pakaian atau mana-mana sumbangan yang kami terima daripada pelbagai pihak.” (Pentadbir)

“Bantuan makanan, pakaian, asrama ada disediakan untuk murid... Berdasarkan peruntukan yang diterima, kami agihkan kepada murid yang layak.” (Pentadbir).

“Kami mengambil inisiatif menyediakan pengangkutan sama ada dengan menumpang guru atau membiayai tambang pengangkutan murid ke sekolah...” (Pentadbir)

"Kuota yang memberi lebih peluang untuk murid B40 memasuki sekolah berasrama penuh (SBP) juga merupakan dasar yang menyokong atau memenuhi keperluan murid yang memerlukan tempat yang selesa untuk belajar." (Pentadbir)

(2) Amalan untuk memenuhi keperluan keselamatan murid B40 adalah berkait dengan peraturan sekolah

Dapatan kajian ini menunjukkan tiada pernyataan atau tindakan khusus dalam dasar pendidikan sedia bahawa sekolah perlu mempunyai peraturan atau panduan khusus untuk memastikan keselamatan dan keselesaan murid B40 di sekolah atau di asrama.

Namun dengan adanya peraturan sekolah terutama yang berkaitan disiplin murid telah memenuhi keperluan murid B40 terhadap rasa selamat dan selesa untuk berada di sekolah. Hal ini disokong oleh dapatan kajian yang menunjukkan tiada kes buli, pergaduhan dan ugutan yang serius terhadap murid B40 di sekolah yang dikaji.

"...tiada kes buli, pergaduhan atau ugutan yang berlaku di sekolah ini." (Pentadbir)

"Gaduh sikit-sikit tu ada, tetapi tiada kes buli atau pergaduhan yang serius di kalangan pelajar." (Guru)

"Kami memastikan keselamatan asrama terjamin untuk pelajar... ada peraturan yang pelajar kena patuh" (Pentadbir)

"Tak ada buli dan pergaduhan di asrama... saya tiada masalah dengan pelajar lain." (Murid)

"Sekiranya nampak ada konflik antara pelajar, kami akan ambil tindakan cepat. Sekiranya ada pelajar yang melakukan kesalahan serius kami kenakan tindakan supaya disiplin di sekolah dan asrama terkawal." (Guru)

"Pelajar yang melakukan aktiviti buli atau kesalahan serius akan segera dikenakan hukuman, mereka tidak akan berada di sekolah." (Pentadbir)

(3) Tiada amalan yang khusus untuk memenuhi keperluan kasih sayang murid B40

Dapatan kajian menunjukkan tanpa dasar sedia ada yang jelas untuk pihak sekolah bertindak bagi memenuhi keperluan murid terhadap kasih sayang, pentadbir dan guru yang ditemu bual gagal menyatakan secara spesifik amalan yang dibuat bagi memenuhi keperluan murid terhadap kasih sayang atau prihatin.

Hanya terdapat sebuah sekolah yang menyatakan mereka membudayakan amalan kasih sayang dan prihatin dengan mengadakan majlis sambutan hari lahir untuk semua murid (bukan hanya kepada murid B40).

"...kami menunjukkan prihatin kepada murid dengan menyambut hari lahir murid secara beramai-ramai semasa perhimpunan sekolah" (Pentadbir)

Dapatan kajian juga menunjukkan hanya beberapa pentadbir dan guru yang menunjukkan prihatin kepada murid B40 dengan mewujudkan tabung khas bagi membolehkan guru-guru memberi sumbangan secara sukarela kepada murid (tidak hanya kepada murid B40) yang diuji dengan musibah seperti kematian ibu bapa.

"Kami ada tabung khusus untuk membantu atau meringan murid-murid yang menerima musibah... setiap bulan guru memberi sumbangan atau kami edarkan juga tabung bila ada majlis-majlis tertentu. Wang sumbangan diberikan kepada pelajar apabila mereka ditimpa musibah seperti kematian dan lain-lain." (Guru)

"Tabung khas ini atas inisiatif guru-guru sekolah. Alhamdulillah sekolah ini guru-gurunya berkemampuan. Jadi tiada masalah untuk mereka memberi sumbangan. Wang sumbangan memang digunakan untuk murid-murid B40 yang memerlukan." (Pentadbir)

(4) Tiada amalan yang khusus untuk memenuhi keperluan penghargaan murid B40

Dapatan menunjukkan tanpa dasar yang jelas yang mewajibkan pihak sekolah memotivasi murid B40 terhadap persekolahan melalui pengiktirafan atau penghargaan, ramai pentadbir dan guru tidak menyedari amalan hari anugerah kokurikulum, anugerah sahsiah dan anugerah akademik terbaik adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan murid terhadap penghargaan atau pengiktirafan.

Dapatan juga menunjukkan tiada sekolah yang mengadakan program dan inisiatif khusus bagi meraikan kejayaan murid B40 semata-mata, tetapi sebaliknya amalan memberi anugerah adalah bersifat umum untuk semua murid.

“Kami mengadakan hari Anugerah Cemerlang, tetapi bukan untuk murid B40 semata-mata, ianya untuk semua murid.” (Pentadbir)

“... kami tidak mendokumentasikan kejayaan murid B40 secara khusus, kami umumkan kejayaan semua murid dalam perhimpunan... atau pada hari anugerah cemerlang, untuk semua murid yang cemerlang, bukan B40 sahaja.” (Pentadbir)

“Selama ini tidak terfikir pula untuk mendokumentasikan atau mengadakan program khusus untuk murid B40...” (Pentadbir)

(5) Tiada amalan yang khusus untuk memenuhi keperluan sempurna sendiri murid B40.

Seterusnya kajian ini mendapati untuk keperluan sempurna sendiri, oleh kerana dasar sedia ada kurang memberi fokus terhadap aspek ini iaitu tanpa bantuan dan peruntukan oleh KPM, maka hampir semua sekolah yang dikaji tidak melaksanakan program motivasi untuk murid B40.

"Tiada sebarang peruntukan yang kami terima untuk mengadakan program motivasi atau program seumpamanya..." (Pentadbir)

"Kami mengadakan program untuk semua pelajar, tiada yang khusus untuk murid B40..." (Pentadbir)

Dapatan ini menunjukkan tiada usaha yang jelas untuk menggalakkan murid B40 mencapai tahap kehidupan yang lebih baik. Dengan tiadanya sebarang peruntukan, pihak sekolah tidak melaksanakan program yang bersifat memberi bimbingan, galakan, dorongan atau semangat kepada murid.

Selari dengan dasar yang kurang memberi fokus terhadap keperluan sempurna sendiri murid, maka tindakan atau amalan yang berfokus kepada aspek kesempurnaan diri juga kurang diberi fokus. Keperluan kerohanian murid termasuk bertanggungjawab dan menjaga hubungan dengan Allah dan menjaga hubungan sesama manusia juga kurang diberi perhatian.

Namun begitu, sesetengah sekolah melakukan amalan solat berjamaah dan bacaan Yassin walaupun bukan mengkhusus kepada murid B40.

"Sekolah mewajibkan pelajar untuk solat berjamaah untuk zuhur... jadi adalah usaha untuk menggalakkan murid solat..." (Pentadbir)

"...ada juga kami mengadakan majlisi bacaan Yassin yang melibatkan semua pelajar..." (Pentadbir)

Kajian juga menemukan dapatan murid B40 yang terpilih ke SBP kurang bersedia untuk belajar di SBP. Untuk menangani isu ini, responden tidak menyatakan sebarang tindakan oleh sekolah.

Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh dasar sedia ada tidak memperuntukan sebarang bajet untuk mengadakan program motivasi atau bimbingan yang sesuai dengan keperluan murid.

Dapatan temubual juga menunjukkan murid-murid ini berasa kurang yakin dan kurang kompeten dari segi akademik berbanding murid yang lain.

Selain itu, dapatan bagi persoalan ini juga menunjukkan telah wujud usaha pihak KPM untuk memenuhi keperluan asas murid B40 terhadap makanan, pakaian dan tempat tinggal namun kurang penekanan terhadap memenuhi keperluan yang lain.

Usaha yang masih belum menyeluruh untuk memenuhi keperluan murid menyebabkan masalah berkaitan akademik, sahsiah dan kokurikulum murid masih belum dapat ditangani sepenuhnya.

Isu keciciran, ketidakhadiran dan pencapaian yang rendah ini masih sering dibincangkan (KPM, 2016; Julian@Juliana & Mohd Izham, 2020). Hasil kajian Muhammad Asyraf dan Bity Salwana (2020) di Zon Timur juga menunjukkan kemenjadian murid B40 masih pada tahap yang rendah.

(C) Persoalan Kajian (3)

Rumusan dapatan serta pernyataan bagi persoalan kajian (3) iaitu *“Apakah strategi bagi meningkatkan pencapaian murid B40 melalui penambahbaikan dasar pendidikan”* adalah seperti berikut:

(1) Bentuk bantuan

Analisis data menunjukkan responden menganggap KPM perlu meluaskan bentuk bantuan atau peruntukan untuk membantu murid B40.

“KPM perlu memperluaskan dan mempelbagaikan bentuk bantuan yang diberikan kepada murid B40. Dasar bantuan bukan hanya dalam bentuk wang, makanan dan pakaian tetapi turut mengambil kira keperluan murid terhadap keselamatan, kasih sayang, penghargaan dan sempurna sendiri agar motivasi murid terhadap pendidikan dapat ditingkatkan.” (Pakar)

“Bantuan perlu diberikan dalam bentuk yang lain juga. Contohnya peruntukan untuk mengadakan program motivasi atau kelas tambahan di luar sekolah.” (Guru)

(2) Kadar peruntukan

Analisis data menunjukkan rata-rata responden mencadangkan kadar bantuan perlu ditingkatkan.

*“Peruntukan KPM untuk bantuan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pendidikan murid B40. Oleh kerana jumlah peruntukan adalah berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia, pakar mencadangkan agar Jawatankuasa khas dibentuk bagi mengemukakan permohonan untuk kenaikan kadar bantuan.”
(Pakar)*

(3) Jawatankuasa pengurusan murid B40

Pakar, pentadbir dan guru bersetuju jawatankuasa pengurusan keperluan murid B40 perlu diwujudkan untuk pengurusan data dan bantuan murid B40.

“Jawatan kuasa pengurusan murid B40 perlu ditubuhkan di peringkat sekolah. Jawatan kuasa boleh mengenal pasti murid yang memerlukan bantuan di samping untuk verifikasi data. Ahli Jawatankuasa termasuk guru perlu diberi kebenaran untuk mengakses dan mengemas kini data. (Guru)

*“Jawatankuasa pelaksana perlu ditubuhkan... agar agihan bantuan lebih terurus... Ini juga untuk memantapkan lagi pengurusan dan agihan bantuan dan melancarkan urusan yang selama ini mungkin terbeban kepada KPM, JPN, PPD dan sekolah khususnya guru.”
(Pakar)*

“Jawatan kuasa juga perlu memantau penggunaan peruntukan bagi memastikan bantuan digunakan sesuai dengan tujuan.” (Pakar)

(4) Kriteria dan kaedah pemilihan murid

Kriteria dan kaedah pemilihan murid yang layak menerima bantuan dicadangkan agar diserahkan kepada pihak sekolah dan mengambil kira faktor bilangan isi rumah dan lokasi murid.

“Pemilihan pelajar yang layak menerima bantuan perlu serah kepada pihak sekolah dan syarat pemilihan perlu mengambil kira bilangan adik beradik.” (Guru)

“Pemilihan pelajar perlu mengambil kira bilangan isi rumah dan lokasi (seperti miskin bandar).” (Pakar)

(5) Panduan (Pelan) bagi mengurus keperluan murid B40

Dapatan kajian ini menunjukkan responden mencadangkan agar panduan pengurusan murid B40 diwujudkan sebagai rujukan pihak sekolah.

“Dasar dalam bentuk panduan pengurusan keperluan murid B40 perlu diwujudkan untuk rujukan pihak sekolah.” (Pentadbir, Guru, Murid dan Pakar)

(6) Mewujudkan kolaboratif

Kajian ini juga menunjukkan responden mencadangkan kolaboratif antara KPM, sekolah dan komuniti dalam usaha meningkatkan pencapaian murid B40.

“Untuk menangani masalah kekurangan peruntukan oleh KPM, kolaboratif dengan pihak lain seperti Pusat Zakat, Yayasan Negeri.” (Pakar)

“Pihak sekolah perlu mewujudkan dasar terbuka untuk kolaboratif dengan semua pihak yang berkepentingan termasuk institusi swasta, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), dan lain-lain agensi (melalui jawatankuasa) agar semua pihak berpeluang menyumbang untuk membantu memperkasa kemenjadian murid B40 sama ada dalam akademik, sahsiah dan kokurikulum tanpa birokrasi yang melampau.” (Pakar)

“KPM mewujudkan kerjasama dengan industri yang akan memberi bantuan secara langsung kepada pihak sekolah. Bantuan bukan hanya dalam bentuk wang tunai tetapi pelaksanaan program untuk kecemerlangan murid dan guru.” (Pakar)

“Jawatankuasa perlu diwujudkan tetapi bukan diurus setiakan oleh KPM agar dapat bergerak tanpa terikat atau bias kepada amalan di KPM.” (Pakar)

“Jawatankuasa yang dibentuk di peringkat sekolah perlu berkolaboratif dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat khususnya dalam mendidik ibu bapa golongan B40 agar memiliki kemahiran keibubapaan.” (Pakar)

(7) Pemikiran (*mindset*) ibu bapa

Responden berpandangan pemikiran ibu bapa murid B40 perlu diperbetulkan agar memandang pendidikan sebagai suatu perkara yang penting dan dapat mengubah masa depan murid B40 ke tahap yang lebih baik.

"Kesedaran atau mindset ibubapa B40 tentang pendidikan perlu diperbetulkan. Mereka perlu dididik agar menyedari kepentingan pendidikan untuk mengubah masa depan. Ibu bapa B40 perlu dididik mengenai kepentingan pendidikan." (Pakar)

"Ibu bapa perlu dimaklumkan bantuan yang diberikan perlu digunakan sebagaimana tujuannya... kursus "parenting" perlu dibuat secara berkala dan dimasukkan dalam takwim sekolah." (Pakar)

(8) Memperluaskan Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

Analisis data juga menunjukkan responden berpandangan RMT perlu diperluaskan ke sekolah menengah dan kumpulan murid lain yang memerlukan.

"RMT patut diberi juga kepada murid sekolah menengah...golongan B40 di pedalaman seperti anak-anak orang Asli perlu juga diberi perhatian dan diberi RMT." (Pakar)

(9) Saranan ibu bapa diperkasakan

"Di setiap sekolah, dasar bantuan pendidikan yang dilaksanakan perlu sentiasa mengambil kira peranan ibu bapa murid B40... Ziarah cakna yang menjadi dasar di sekolah perlu dipergiatkan lagi ... komunikasi dengan ibu bapa golongan B40 perlu diberi penekanan." (Pakar)

"Ibu bapa perlu dimaklumkan bantuan yang diberikan perlu digunakan sebagaimana tujuannya... kursus "parenting" perlu dibuat secara berkala dan dimasukkan dalam takwim sekolah." (Pakar)

(10) Peruntukan untuk program motivasi

Analisis data menunjukkan untuk melaksanakan program motivasi untuk murid, peruntukan untuk program tersebut perlu diwujudkan.

"Sekolah perlu diberi dana yang mencukupi untuk mengadakan program motivasi melibatkan penceramah, fasilitator atau lokasi di luar sekolah..." (Pakar)

(11) Perluaskan bantuan kepada sekolah Tahfiz/Pondok

Respon iaitu pakar juga mencadangkan agar bantuan pendidikan untuk murid B40 diperluaskan ke sekolah swasta iaitu sekolah tahfiz dan sekolah pondok.

"KPM perlu beri bantuan juga kepada murid B40 di sekolah rendah dan menengah swasta seperti sekolah tahfiz dan sekolah pondok." (Pakar)

(12) Memperkukuh elemen moral atau sahsiah dalam PDP

Dapatan kajian menunjukkan pakar mencadangkan agar elemen moral untuk sahsiah yang baik diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

“Dasar pendidikan untuk murid B40 perlu memberi keutamaan terhadap elemen moral atau sahsiah semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran agar mereka lebih memahami peranan mereka sebagai agen perubahan untuk keluarga dan masyarakat.” (Pakar)

(13) Memperkasakan peranan pra-sekolah, sekolah teknik dan kolej vokasional

Dapatan kajian menunjukkan pakar mencadangkan agar peranan institusi kemahiran KPM diperkasakan bagi membantu murid B40.

“KPM perlu memperkasakan peranan pra-sekolah agar penguasaan asas murid B40 menjadi lebih kukuh... Bagi meraikan murid yang berpotensi dalam kemahiran tertentu, KPM perlu memperkasakan sekolah teknik dan kolej vokasional dan turut memupuk kemahiran keusahawanan kepada murid-murid B40 selain soft skill yang lain.” (Pakar)

Implikasi Polisi

Berikut adalah implikasi polisi berdasarkan dapatan kajian:

- Sistem Pengurusan Agihan Secara Bersepadu - bagi menangani isu yang timbul dalam pengurusan dasar bantuan pada masa sekarang melalui sistem APDM dan e-kasih, kerajaan perlu mewujudkan sistem pengurusan agihan secara bersepadu melibatkan semua pihak berkenaan atau berkepentingan.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan yang kurang memberi fokus kepada murid B40 perlu ditambah baik dan perlu merangkumi amalan untuk memenuhi keperluan kepada kasih sayang, keselamatan, penghargaan dan keperluan sempurna sendiri selain keperluan asas.
- Jawatankuasa Pengurusan Murid B40 Peringkat Sekolah - KPM perlu mewajibkan semua sekolah mewujudkan Jawatankuasa tersebut yang dianggotai oleh pihak sekolah, ibu bapa, wakil NGO, polis, dan lain-lain yang berkaitan bagi menangani isu pencapaian akademik, sahsiah dan kokurikulum murid B40, serta bagi mengurus keperluan murid.
- Pengupayaan Guru - sekolah perlu melantik secara rasmi guru atau kakitangan sokongan untuk mengurus murid B40 termasuk bagi membantu ibu bapa mengemaskini data APDM.

- Garis Panduan Pengurusan Murid B40 - KPM melalui BPPDP, BPSH, BSBP, BPI dan BTV perlu mewujudkan garis panduan mengurus keperluan murid B40 berdasarkan Teori Maslow (1970). Selain bantuan dalam bentuk wang tunai, barangan/kelengkapan seperti laptop, pakaian sekolah, dan uniform untuk kokurikulum, dasar Bantuan Pendidikan berbentuk program motivasi, tuisyen dan sebagainya perlu juga dilaksanakan.
- Dasar Pintu Terbuka - Sekolah perlu melaksanakan dasar pintu terbuka (dengan kebenaran KPM) dan melibatkan alumni untuk menaja murid B40. Komitmen dan pemantauan untuk kesan tajaan boleh dibuat dengan mengadakan pertemuan dan melaksanakan aktiviti bersama-sama. Selain kewangan, alumni yang mempunyai kekuatan dari sudut kecemerlangan kerjaya boleh dilibatkan.
- Anugerah Kecemerlangan - Sekolah perlu memberi anugerah untuk kecemerlangan akademik, sahsiah, kokurikulum, kehadiran dan lain-lain lagi agar setiap murid B40 berpeluang menerima penghargaan atau pengiktirafan.
- Program Silaturahmi Antara Murid Pelbagai Golongan - KPM, JPN, PPD serta sekolah perlu menganjurkan pelbagai bentuk program seperti sukan, kesenian, ko kurikulum, di pelbagai peringkat melibatkan semua murid semua golongan di sekolah agar hubungan dan kasih sayang antara guru, murid B40 dan semua warga dapat dipupuk.

- Perkongsian dan Lawatan Tanda Aras – Program ini perlu dilaksanakan secara berkala antara pemimpin sekolah yang majoriti B40. PPD perlu mewujudkan platform bagi sesi perkongsian bagi memberi peluang mereka berkongsi cabaran dan isu dalam mengendalikan murid dan ibubapa B40. Kajian ini menunjukkan sebuah Sekolah Cina berjaya mengumpulkan bantuan yang tinggi dari pelbagai pihak mungkin perlu dicontohi.
- Latihan kepada Pemimpin Sekolah - KPM perlu memastikan kandungan latihan terhadap pemimpin sekolah dan guru mengandungi domain pengurusan pendidikan murid B40 agar semua pihak menyedari peranan masing-masing dalam membantu golongan ini mencapai status kehidupan yang lebih baik.
- Jalinan dan Jaringan - Sekolah perlu mewujudkan jalinan dan jaringan dengan pihak swasta, NGO dan persendirian dalam mendapatkan dana, melaksanakan program dan sebagainya yang memberikan manfaat kepada murid B40. IPT seperti Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKBN), dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) perlu dijemput ke sekolah bagi mendekati murid B40 yang berprestasi akademik sederhana untuk diberi penerangan dan peluang ke IPT yang sesuai.
- Kursus Keibubapaan - Sekolah perlu mengadakan kursus keibubapaan secara berkala dengan kerjasama pelbagai agensi. Pengetahuan ibu bapa tentang persekolahan anak-anak dan kepentingan pendidikan perlu dikemas kini.

- Sekolah sebagai Agen Pengurusan Bantuan - KPM perlu membenarkan pihak sekolah menjadi orang tengah dalam mengurus perbelanjaan peruntukan untuk murid B40. Pihak sekolah contohnya perlu diberi kuasa untuk membawa murid B40 ke kedai buku dan peralatan sekolah.
- Tunai kepada *voucher* - KPM perlu membenarkan bantuan wang tunai ditukar ke dalam bentuk *voucher* untuk menangani masalah ibu bapa yang terlalu bergantung kepada bantuan atau salah guna peruntukan.
- Syarat Bantuan - KPM/JPN/PPD/Sekolah perlu mewujudkan syarat agar murid yang menerima bantuan pendidikan menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik, sahsiah kokurikulum sekiranya ingin memohon Bantuan Pendidikan yang lain. Ini bagi menyedarkan ibu dan murid B40 bahawa adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk “membalas” bantuan yang diterima dengan memberi sumbangan terhadap kecemerlangan sekolah.
- Bantuan Peralatan Sekolah – KPM perlu menetapkan bantuan persekolahan adalah termasuk bantuan untuk buku latihan yang digunakan murid sepanjang persekolahan mereka.
- Bimbingan kerjaya - Sekolah perlu mengadakan sesi bimbingan dan kaunseling termasuk ujian psikometrik untuk murid B40 yang kurang cemerlang akademik untuk menyalurkan murid B40 ke bidang teknikal dan vokasional sesuai dengan minat mereka.

- Program Mentor Mentee - KPM perlu mengupaya sekolah untuk memperkasa program Mentor Mentee bagi tujuan mengurus keperluan kasih sayang dan penghargaan murid.
- Kuota - Kerajaan perlu meneruskan dasar mengutamakan murid B40 (kuota) untuk kemasukan murid B40 ke asrama. Penempatan di asrama dapat menangani masalah murid B40 tiada pengangkutan yang pada masa kini merupakan keperluan asas bagi murid. Penempatan di asrama juga adalah bagi memastikan murid B40 lebih terjaga dari keperluan makan minum dan disiplin diri.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan penambahbaikan dalam pelaksanaan dasar pendidikan sedia ada adalah perlu. Dasar perlu memberi penekanan terhadap semua tingkat keperluan murid sebagaimana teori Maslow (1970).

Sumbangan utama kajian ialah memberi input untuk KPM menambah baik dasar pendidikan kebangsaan dan mewujudkan dasar pengurusan murid B40 yang lebih tersirat.

Implikasi kajian ialah sistem agihan bantuan bersepadu, jawatankuasa pengurusan murid B40 dan garis panduan pengurusan berdasarkan teori Maslow (1970) perlu diwujudkan.

Rujukan

Abu, N. E. B., & Eu, L. K. (2017). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.

Arbaa, R., Jamil, H., & Ahmad, M. Z. (2017). Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1- 11.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2016). *Kajian Murid Lemah Pencapaian Akademik*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2017). *Laporan Tinjauan Awal Kajian Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan serta Pencapaian Sekolah Pedalaman*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Broen, A. A. & Green, R. L. (2014). Practices used by nationally Blue-Ribbon Award Winning Principals to improve student achievement in high-poverty schools. *National Forum of Applied Educational Research Journal*, 27(1).

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2017). *Research methods in education*. Routledge.

Crumpton H. E. & Gregory A. (2011). "I'm not learning": The role of academic relevancy for low-achieving students. *The Journal of Educational Research*, 104(1), 42–53. <https://doi.org/10.1080/00220670903567398>

Dong, L., & Bouey, J. (2020). Public mental health crisis during COVID-19 pandemic, China. *Emerging infectious diseases*, 26(7), 1616. <https://doi.org/10.3201/eid2607.200407>

Evelyn Anak Banu & Ruslin Amir. (2020). Gaya asuhan ibu bapa: Kesan terhadap motivasi pencapaian murid Bidayuh Padawan berprestasi akademik rendah. *Proceedings of the International and Multidisciplinary Conference on Education, Social Science and Technology*, 65-76.

Fathurrohman, M. (2017). *Belajar dan pembelajaran modern: konsep dasar, inovasi dan teori pembelajaran*. Garudhawaca.

Ghazali Darulsalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian* (Edisi ke-2). Universiti Malaya.

Julian@Juliana Geotge Jette & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2020). *Amalan kepimpinan instruksional dan impaknya terhadap kemenjadian murid sekolah rendah luar bandar negeri Sarawak. Proceedings of the International Conference on Education, Business, Economy, Supply Chain and Tourism (EBEST2010)*, 7-18.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. (2018). *Pelan pelaksanaan dasar Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 2016-2020: Keutamaan dan penekanan baharu*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2015). *PISA 2015: Pengumuman pada 6 Disember 2016*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2015). *Laporan TIMSS 2016*. Putrajaya. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Tahun 2016*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Larsen, B., Verstynen, T. D., Yeh, F. C., & Luna, B. (2018). Developmental changes in the integration of affective and cognitive corticostriatal pathways are associated with reward-driven behavior. *Cerebral Cortex*, 28(8), 2834-2845. <https://doi.org/10.1093/cercor/bhx162>

Mansor, A. N., & Muhammad, Z. (2020). Strategi kepimpinan menangani murid berisiko tercicir: Kajian kes. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 31(1).

Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid & Kartini Abd Wahad. (2017). Perbandingan sikap terhadap Bahasa Melayu dan kecekapan komunikatif dalam kalangan murid-murid Melayu bandar dan luar bandar. *Jurnal Melayu, Isu Khas 2017*.

Mohd Johdi Salleh, Mazliza Kamin, Loven L. L., Henry J. F. & Moini Rubin. (2012). *Kajian terhadap faktor-faktor mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah* [Conference presentation]. Labuan International Conference on Educational Research.

Mohd Nazri Abdul Rahman. (2014). *Pembangunan model homeschooling berasaskan nilai dan amalan masyarakat bagi kanak-kanak Orang Asli* [Doctoral dissertation, Universiti Malaya].

Muhammad Nur Asyraf Nordin & Bity Salwana Alias. (2020, March 14-16). *Amalan pemimpin dalam memenuhi keperluan murid dan tahap pencapaian murid golongan B40 di Negeri Kelantan* [Conference presentation]. Malaysia International Convention on Education Research & Management (MICER), Bandar Baru Bangi, Malaysia.

Mumtaz Begam Abdul Kadir & Bity Salwana Alias. (2015). *Pemimpin: Realiti dan harapan*. Melaka: Kolej Profesional Mara Bandar Melaka.

Ngrambang, U. A. (2012). *Implikasi kepemimpinan pengajaran pengetua, kepuasan kerja dan pengajaran berkesan guru terhadap prestasi peperiksaan pelajar sekolah menengah luar bandar di Sarawak* [Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sabah].

Rashid, S. M. R. A., & Samat, N. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *E-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15(2), 11-23. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/26796>

Rohaida Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd Rahman, Zamri Mahamod. (2020). Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 54-73.

Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Pearson Prectice Hall (Malaysia).

Salleh, M. N. M., Hussin, Z., & Mohamed, M. F. (2020). Reka bentuk model pengajaran Taranum Al-Quran: Analisis terhadap model-model pengajaran yang terpilih. *Journal of Islamic Educational Research*, 5(1), 11–20.

Suprammaniam, S., Kannan, S., & Chua, Y. P. (2016). The NPQEL graduates' talent management. *Educational Leader (Pemimpin Pendidikan)*, 4, 63-77.

UN Department of Economic and Social Affairs. (n.d.). *Sustainable Development Goals*. United Nations. Retrieved February 11, 2021, from <https://sdgs.un.org/goals>

Tauhid, R. (2020). Dasar-dasar teori pembelajaran. *JURNAL PENDAS (Pendidikan Sekolah Dasar)*, 2(2), 32-38.

Teo Ker Sing & Faridah Mydin Kutty. (2020). *Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan motivasi instrinsik murid terhadap pencapaian akademik murid di sekolah rendah* [Conference presentation]. The Sixth International Social Sciences Postgraduate Conferences, 41-57.

Unit Perancangan Ekonomi Malaysia. (2020). *Pendapatan garis kemiskinan Malaysia*. Unit Perancangan Ekonomi.



INSTITUT MASA
DEPAN MALAYSIA

© 2022 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA. All rights reserved.

Institut Masa Depan Malaysia
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya,
59100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

For more information, visit our website:
www.institutmasa.com

e ISBN 978-967-16910-7-6



9 789671 691076